

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN RAMLI BIN MOHD NOR (CAMERON
HIGHLANDS)**

TARIKH : 23 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR [CAMERON HIGHLANDS] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perancangan yang dilakukan oleh Kementerian bagi membaik pulih atau menggantikan balai-balai polis daerah dan juga pondok-pondok polis yang telah lama di seluruh Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah merangka perancangan lima (5) tahun bagi membina baharu, mengganti atau membaik pulih Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD), balai dan pondok polis di seluruh negara. Berdasarkan perancangan pemantapan pengurusan PDRM di bawah Pelan Tindakan Perancangan Strategik Polis Diraja Malaysia (PDRM) 2021-2025, sasaran lima (5) tahun PDRM adalah untuk merancang pelaksanaan 103 projek pembangunan prasarana merangkumi Ibu Pejabat Kontinjen (IPK), Ibu Pejabat Daerah (IPD), Balai Polis dan kuarters. Daripada jumlah tersebut, PDRM menyasarkan untuk menyiapkan sebanyak 15 projek iaitu lima (5) buah balai, tujuh (7) IPD, tiga (3) IPK dan 1,817 unit kuarters dalam tempoh berkenaan.